

# SEHATI SEJIWA

Komitmen Hershey kepada Pekerja,  
Pengguna & Rakan Niaga Kami



HERSHEY

Tatakelakuan

## KATA-KATA HIKMAT PEMIMPIN KITA

### Rakan-rakan Sekalian Yang Dikasihi,

Apabila kita menghayati warisan Hershey yang begitu mewah ini, kita akan mendapat banyak pencapaian dan peristiwa penting yang berlaku sepanjang 120 tahun yang lepas. Tetapi tidak mungkin kita nyatakan tarikh kita mendapat kepercayaan pengguna dan pihak-pihak yang berurusan dengan kita kerana peristiwa itu tidak berlaku dalam sehari. Kepercayaan itu diperoleh sepanjang bertahun-tahun, malah berpuluhan-puluhan tahun, apabila semakin ramai orang mendapat tahu tentang kebaikan pada produk kita yang begitu ringkas.

Kepercayaan adalah antara aset kita yang paling berharga. Dan itulah antara yang paling mudah terjejas. Satu kejadian, satu laporan berita, atau satu komen yang cuai sahaja boleh menyebabkan kepercayaan yang telah kita peroleh melalui usaha yang begitu keras, hilang begitu sahaja. Itulah sebabnya cara kita menjalankan perniagaan sama penting dengan produk yang kita jual. Tatakelakuan kita menyediakan sumber dan maklumat yang kita perlukan untuk mengendalikan perniagaan kita secara bertanggungjawab, untuk membuat keputusan yang beretika, dan untuk memelihara kepercayaan itu.

Kami galakkan anda membaca kandungan Tatakelakuan kita dan menggunakananya sebagai panduan apabila anda bertindak. Berusahalah untuk berbuat baik dalam segala pekerjaan anda dan bersetiahalah kepada warisan agung Milton Hershey. Cakap jika anda ragu-ragu ataupun jika anda nampak sesuatu yang tidak kena, dan minta panduan pada bila-bila masa anda kurang pasti tentang tindakan yang betul.

Kami berasa bangga akan segala pencapaian kita bersama dan berbesar hati kerana berpeluang memimpin syarikat yang hebat ini. Kita tahu bahawa jika kita bersatu hati, kita akan terus mengubah keadaan dengan cara yang positif.

**Michele Buck**  
Presiden Dan Ketua  
Pegawai Eksekutif  
**The Hershey Company**



## WARISAN KITA

Terdapat banyak syarikat sekitar dunia yang sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kesetiaan dan kepercayaan pengguna terhadap jenama dan syarikat mereka. Bagaimana pula dengan jenama Hershey? Pekerja kita, produk kita, warisan kita? Berkat wawasan dan muhibah seorang insan, kita sudah dikenali dan disayangi ramai.

Bermula dengan asal-usul yang tidak seberapa, Milton Hershey melancarkan sebuah syarikat, sebuah komuniti dan sebuah impian. Hari ini, kita sebuah syarikat yang menghasilkan lebih daripada 80 jenama global yang ternama, dan “komuniti” kita meliputi kawasan yang melepassi negeri Pennsylvania kita yang tercinta ini dan merangkumi lebih daripada 21,000 insan yang luar biasa di seluruh dunia.

Orang ramai mengenali kita bukan hanya kerana apa yang kita hasilkan, tetapi juga kerana apa yang kita lakukan. Kita berjaya membina reputasi sebagai syarikat yang prihatin terhadap masyarakat dan menyumbang balik untuk menambah baik kehidupan di komuniti yang menjadi tempat kita tinggal dan bekerja. Bermula dengan usaha membina masa depan yang cerah melalui sekolah Milton Hershey School dan mengayakan minda kanak-kanak yang dekat dan jauh, sehingga usaha mengupayakan komuniti pertanian koko, warisan Milton Hershey tetap bertahan.

Bersama-sama, kita telah menyebarkan kebaikan ke seluruh dunia sejak tahun 1894. Kisah kita bermula dengan kepingan coklat, tetapi tidak berakhir di situ. Milton Hershey berpegang pada prinsip “Berhasil Baik melalui Kerja Yang Baik.” Dan setiap hari, kita membina sesuatu yang lebih baik, sama ada produk baru ataupun inisiatif global yang baru, untuk melabur demi kebaikan manusia dan komuniti.

## JANJI JENAMA

# MENYEBAKAN KEBAIKAHAN KE SELURUH DUNIA

## SEBAB-SEBAB MEMPERCAYAINYA

**Kebaikan yang tulus dan bertahan terlihat pada segala perbuatan kita:**

**Jenama kita: Produk yang lazat dan pengalaman yang menambat hati.**

**Matlamat kita: Menambah baik kehidupan kanak-kanak dan komuniti yang dapat kita sentuh.**

**Pekerja kita: Pekerja yang komited dan berbelas kasihan.**

# KANDUNGAN

---

## KATA-KATA HIKMAT PEMIMPIN KITA

1

## WARISAN KITA

2

### **KITA BANGGA AKAN TATAKELAKUAN KITA**

- |                                    |   |
|------------------------------------|---|
| Mula Di Sini                       | 4 |
| Ketahui Tanggungjawab Anda         | 6 |
| Bercakap Tanpa Rasa Takut          | 6 |
| Ketahui Tempat Mendapatkan Bantuan | 7 |

### **KITA PUPUK SUASANA YANG BERETIKA DI TEMPAT KERJA**

- |                                       |    |
|---------------------------------------|----|
| Hormati Orang Lain                    | 8  |
| Pupuk Suasana Yang Selamat Di Hershey | 10 |
| Dukung Hak Asasi Manusia              | 11 |

### **KITA FAHAM TANGGUNGJAWAB KITA TERHADAP ORANG LAIN**

- |                                         |    |
|-----------------------------------------|----|
| Pelihara Kualiti Dan Keselamatan Produk | 12 |
| Rahsiakan Maklumat Sulit                | 14 |
| Hormati Rakan-rakan Kongsi Kita         | 15 |

4

8

12

### **KITA BUAT APA YANG BETUL**

- |                                       |    |
|---------------------------------------|----|
| Jangan Sekali-kali Merasauh           | 16 |
| Ketahui Peraturan Memberikan Hadiah   | 18 |
| Dan Keraian                           | 19 |
| Bersaing Secara Adil                  | 20 |
| Jangan Berdagang Berdasarkan Maklumat | 21 |
| Orang Dalam                           | 22 |
| Simpan Rekod Yang Tepat               | 23 |
| Patuhi Peraturan Import, Eksport Dan  | 25 |
| Perdagangan                           | 26 |

### **KITA LINDUNGI SYARIKAT KITA**

- |                                          |    |
|------------------------------------------|----|
| Lindungi Aset Kita                       | 23 |
| Elakkan Konflik Kepentingan              | 25 |
| Jangan Bercakap Bagi Pihak Syarikat Kita | 26 |

### **KITA WARGA DUNIA YANG BAIK**

- |                                  |    |
|----------------------------------|----|
| Jadilah Pengawas Yang Baik       | 27 |
| Kongsi Kebaikan Dan Ubah Keadaan | 29 |

## MEMPERCAYAI KEBAIKAN KITA

30



# KITA BANGGA AKAN TATAKELAKUAN KITA

Mula Di Sini

Ketahui Tanggungjawab Anda

Bercakap Tanpa Rasa Takut

Ketahui Tempat Mendapatkan Bantuan

## MULA DI SINI

**Tatakelakuan kita mencerminkan jati diri kita dan apa yang penting bagi kita.**

Tatakelakuan kita menyediakan gambaran keseluruhan tentang undang-undang, peraturan dan dasar syarikat yang dikenakan terhadap kita dan terhadap kerja yang kita lakukan, tetapi Tatakelakuan kita merangkumi lebih banyak daripada itu. Tatakelakuan kita memanfaatkan nilai-nilai yang kita dukung bersama. Atas sebab itulah kita mengharapkan setiap pekerja dan setiap ahli Lembaga agar mematuhi Tatakelakuan kita dan membuat keputusan yang dapat memelihara kepercayaan yang diletakkan pada kita oleh orang lain. Tidak kurang yang kita harapkan daripada rakan-rakan niaga kita, termasuklah perunding, pengedar, pengilang bersama, dan pembekal kita, dan juga anak-anak syarikat kita dan rakan usaha sama kita. Kita faham tanggungjawab yang kita pikul untuk memaklumkan kepada mereka tentang taraf integriti kita yang tinggi dan kita tidak boleh meminta mereka melanggar mana-mana nilai dan prinsip kendalian kita.

Tatakelakuan kita adalah sumber yang amat besar tetapi kandungannya tidak meliputi setiap situasi yang mungkin anda hadapi semasa bekerja, maka anda perlu menggunakan pertimbangan yang baik dalam segala perbuatan anda dan meminta pertolongan jika anda kurang pasti tentang tindakan yang betul.

# KURANG PASTI? TANYA DIRI SENDIRI:

ADAKAH  
PERBUATANINI  
MENCERMINKAN  
NILAI-NILAI  
MURNIKITA?

ADAKAH  
PERBUATANINI  
BAIKUNTUK  
HERSHEY  
DANTUNTUK  
RAKAN-RAKAN  
SEKERJASAYA?

ADAKAH SAYA  
AKAN BERASA  
SELESA JIKA  
SEMUA ORANG  
MENGETAHUINYA?



*Kandungan Tatakelakuan kita  
bercanggah dengan undang-undang  
di negara tempat saya bekerja. Saya  
kurang pasti apa yang patut dilakukan.*

Cara yang terbaik adalah untuk  
mematuhi keperluan yang lebih ketat.  
Jika itu tidak jelas, minta panduan  
dari pihak Jabatan Undang-undang.

JIKA ANDA DAPAT  
MENJAWAB “YA” BAGI  
SEMUA SOALANINI,  
BARANGKALI SELAMATLAH  
ANDA MENERUSKAN  
LANGKAH. TETAPI JAWAPAN  
“TIDAK” ATAU “KURANG  
PASTI” BAGI MANA-MANA  
SOALANINI SEHARUSNYA  
MEMBUATKAN ANDA  
BERHENTI DAN BERFIKIR  
SEMULA. ANDA MEMANG  
PATUT MEMINTA  
PERTOLONGAN DALAM APA  
JUA SITUASI DAN KEADAAN.

## KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

**Nama baik kita terletak pada tangan anda.**

Biar apa pun pekerjaan anda dan walau di mana pun tempat kerja anda, andaialah Hershey. Fikirkannya apabila anda memerhatikan setiap hubungan perniagaan, setiap transaksi dan setiap produk, dan pastikan tindakan anda sentiasa mencerminkan nilai-nilai murni kita. Patuhi Tatakelakuan dan dasar-dasar kita, dan juga undang-undang dan peraturan yang dikenakan oleh negara(-negara) tempat anda bekerja, dan lindungi apa yang telah kita bina ini. Dan jalani latihan yang ditentukan bagi anda sehingga selesai. Itulah cara yang terbaik untuk mengetahui kehendak terhadap anda.

Jika anda nampak atau mengesyaki berlakunya sesuatu yang menyalahi undang-undang ataupun yang tidak beretika, mungkin pada zahirnya lebih mudah jika kita menolehkan sahaja pandangan kita ataupun membiarkan orang lain menanganinya, tetapi salah laku sebenarnya menjelaskan kita semua. Tidak ada kilanan yang terlalu remeh untuk dilaporkan. Kemukakan kilanan anda dengan segera dan berikan kerjasama sepenuhnya dengan jujur dalam sebarang siasatan dalaman. Ketahuilah bahawa sesiapa yang melanggar Tatakelakuan kita boleh dikenakan tindakan pembetulan, termasuklah dipecat daripada Hershey.

Jika anda menguruskan pekerja bawahan, maka tanggungjawab anda lebih berat lagi. Amalkan kepimpinan melalui teladan, dan pastikan ahli-ahli pasukan anda tahu bahawa Tatakelakuan kita disediakan sebagai sumber bagi mereka dan bahawa tidak ada perbezaan antara perbuatan anda dengan apa yang anda harapkan daripada orang lain. Wujudkan suasana di tempat kerja yang membuatkan pekerja berasa selesa untuk tampil mengemukakan soalan dan kilanan, dan bantu mereka apabila mereka membantkitkan sesuatu isu. Jangan sekali-kali membala perbuatan pekerja yang mengemukakan keraguannya secara ikhlas, dan halang perbuatan membala dendam oleh orang lain.

# ANDALAH HERSHY.

## BERCAKAP TANPA RASA TAKUT

**Kita tidak akan menerima perbuatan membala dendam.**

Sebagai syarikat, kita tahu bahawa tindakan menampilkan diri untuk mengemukakan keraguan memerlukan keberanian. Kami tidak akan mengambil tindakan balasan mahupun membenarkannya terhadap sesiapa yang mengemukakan soalan atau keraguannya tentang aktiviti korporat. Kami tidak akan mengambil tindakan balasan mahupun membenarkannya terhadap sesiapa pun yang secara ikhlasnya melaporkan kepada kami atau kepada sesebuah pihak berkusa kerajaan, salah laku atau pelanggaran undang-undang yang mungkin telah berlaku, ataupun yang membantu penyiasatan salah laku atau pelanggaran undang-undang.

Tidak kira lah siapa yang anda hubungi, yakinlah bahawa anda melakukan apa yang betul dan bahawa laporan anda itu akan ditangani dengan segera dan sewajarnya. Kami menyiasat laporan tentang salah laku dengan rapi, dan kami mendedahkan maklumat hanya kepada orang yang memerlukannya untuk menyelesaikan hal yang berkenaan.



**Saya syak, tetapi kurang pasti, bahawa ada seseorang yang melanggar Tatakelakuan kita. Patutkah saya berdiam sahaja tentang keraguan saya ini?**

Tidak. Jika anda mengesyaki berlakunya pelanggaran, berkatalah sesuatu. Melaporkan masalah yang mungkin boleh berlaku itu lebih baik daripada menunggu lalu menimbulkan risiko mudarat terhadap orang lain ataupun terhadap syarikat. Melaporkan sesuatu "secara ikhlas" bermaksud anda menampilkan diri dengan jujur untuk memberikan maklumat yang anda percaya benar, walaupun setelah disiasat, rupa-rupanya anda tersilap.

**Mengikut adat, kita biasanya tidak melaporkan keraguan tentang seseorang yang berjawatan pemimpin. Apa yang patut saya buat?**

Penting anda mengatakan sesuatu tentang keraguan anda. Hershey menghormati kepelbagaiannya yang ada pada tenaga kerjanya, mengambil kira pelbagai kelaziman budaya semasa menyiasat sesuatu kilanan, serta mengambil segala langkah yang sewajarnya untuk melindungi identiti pemberi maklumat dan maklumat yang diberikan itu.

## KETAHUI TEMPAT MENDAPATKAN BANTUAN

### Ada orang yang sedia membantu anda.

Ada soalan, masalah atau keraguan? Selalunya, pengurus adalah orang pertama yang patut anda hubungi. Beliau berkedudukan terbaik untuk memahami kebimbangan anda dan mengambil tindakan yang betul. Jika anda kurang selesa bercakap dengan pengurus anda, ataupun jika anda sudah pun memberitahu anda merasakan bahawa keluhan anda itu tidak ditangani dengan betul, hubungilah pihak Sumber Manusia atau anggota lain dalam barisan pengurusan, ataupun salah satu pihak yang berikut:

Tiada satupun peruntukan Tatakelakuan kita yang melarang anda berhubung dengan agensi kerajaan tentang pelanggaran undang-undang persekutuan, negeri, atau tempatan yang mungkin telah berlaku, ataupun memberikan maklumat dengan cara lain kepada agensi kerajaan, mengemukakan aduan kepada agensi kerajaan, atau menyertai penyiasatan atau tindakan undang-undang agensi kerajaan, dan Tatakelakuan kita tidak mewajibkan anda memberitahu Syarikat tentang hubungan sedemikian.

<b>JABATAN UNDANG-UNDANG</b>	<b>JAWATANKUASA PENDEDAHAN</b>
Law Department The Hershey Company 19 East Chocolate Avenue Hershey, PA 17033 USA	Maklumat boleh diberikan kepada Jawatankuasa Pendedahan kita, sama ada sebagai sekumpulan ataupun oleh seseorang, semasa mesyuarat yang formal ataupun sebaliknya.
<b>JAWATANKUASA AMALAN FERNIAGAAN YANG BERETIKA</b>	<b>JAWATANKUASA AUDIT ATAU PENGARAH BEBAS YANG MENGANGGOTAI LEMBAGA</b>
c/o General Counsel The Hershey Company 19 East Chocolate Avenue Hershey, PA 17033 USA	Alamat e-mel: <a href="mailto:auditcommittee@hersheys.com">auditcommittee@hersheys.com</a> c/o General Counsel The Hershey Company 19 East Chocolate Avenue Hershey, PA 17033 USA

### TALIAN KELUHAN JUGA SUATU SALURAN YANG DISEDIAKAN UNTUK ANDA.

Talian Keluhan dikendalikan dengan menggunakan khidmat pelaporan yang bebas dan boleh anda hubungi pada bila-bila masa, melalui telefon ataupun Internet, untuk bertanya atau memaklumkan tentang pelanggaran Tatakelakuan kita, dasar kira, prosedur kita, atau undang-undang.

Anda boleh mengemukakan laporan secara sulit.



### Laporkan secara dalam talian:

[www.HersheysConcern.com](http://www.HersheysConcern.com)



### Laporkan melalui telefon:

Dari lokasi-lokasi kita, klik untuk mendapatkan nombor sambungan tempatan.

Di negara-negara yang tertentu, Talian Keluhan ini mungkin hanya menerima laporan yang berkait dengan jenis kelakuan yang tertentu (contohnya hal-hal kewangan, perakaunan, pengauditan atau rasuah). Jika anda menelefon tentang sesuatu yang sepatutnya ditangani secara tempatan menurut syarat undang-undang, maka pakar Talian Keluhan akan menghubungkan anda balik kepada pihak pengurusan tempatan ataupun Jabatan Sumber Manusia.

Apabila anda menghubungi Talian Keluhan, sama ada melalui telefon ataupun Internet, borang dalam talian akan merakamkan maklumat yang anda berikan, dan maklumat itu akan dihantar kepada pihak syarikat supaya orang yang memiliki kepakaran yang betul boleh bertindak menjawab soalan atau keraguan itu dengan berkesan. Yakinlah bahawa syarikat menganggap proses ini sangat serius dan akan cuba merahsiakan laporan atau pertanyaan anda. Selepas mengemukakan soalan atau keraguan, anda akan menerima nombor kes sebagai rujukan jika anda ingin menyemak balik kemudian dan mengetahui perkembangan terkini mengenai hal yang dikemukakan itu.



# KITA PUPUK SUASANA YANG BERETIKA DI TEMPAT KERJA

Hormati Orang Lain

Pupuk Suasana Yang Selamat  
Di Hershey

Dukung Hak Asasi Manusia

## HORMATI ORANG LAIN

**Kita berjaya hari ini disebabkan pekerja kita yang hebat-hebat.**

Kita satu pasukan, tetapi kita mewakili pelbagai idea, pengalaman dan latar belakang. Kita menghargai sumbangan satu sama lain dan percaya bahawa setiap orang harus mendapat peluang yang sama untuk berjaya. Ini penting bagi usaha kita menganjurkan matlamat dan inisiatif kita. Jalankan peranan anda untuk memelihara kepelbagaiannya, semangat kekeluargaan dan sikap saling hormat di Hershey dengan cara memupuk suasana yang positif, dan meraikan setiap kekuatan dan bakat yang dibawa ke tempat kerja kita oleh rakan-rakan sekerja kita yang beraneka.

## Kebaikan Itu Berkesan



- Layan orang lain dengan cara anda hendak dilayan.
- Raikan kepelbagaian yang ada pada kita. Dengar dan pertimbangkan setiap sudut pandangan.
- Cakaplah kalau anda nampak atau mengesyaki berlakunya diskriminasi atau gangguan berkali-kali berdasarkan kaum, warna kulit, jantina, negara asal, umur, agama, taraf kerakyatan, ketidakupayaan, penyakit, orientasi seksual, identiti jantina, taraf veteran, taraf perkahwinan atau mana-mana ciri lain yang terlindung oleh undang-undang.
- Pupuk suasana kerja yang bebas daripada gangguan, membuli dan kelakuan yang kesat, sama ada secara fizikal, lisan ataupun visual. Anda boleh melaporkan keraguan anda dengan keyakinan bahawa Hershey tidak akan menerima perbuatan membalas dendam terhadap sesiapa sahaja yang membuat laporan secara ikhlas.
- **KETAHUI LAGI:**
  - Dasar Pencegahan Diskriminasi Dan Gangguan Berkali-kali
  - Dasar Larangan Berkelakuan Tidak Wajar Di Tempat Kerja

# RAIKAN KEPELBAGAIAN KITA.

## Andai ?kata?

*Pengurus saya sering marah-marah dan menengking semua ahli pasukan apabila kami tidak sempat menyiapkan kerja sebelum tarikh yang ditetapkan. Adakah itu dianggap sebagai gangguan berkali-kali?*

*Salah seorang pembekal kita mengeluarkan kata-kata yang menghina umur salah seorang rakan sekkerja saya. Patutkah saya berkata sesuatu?*

Itu bergantung pada keadaan, tetapi walau apa pun, situasi begitu memburukkan suasana kerja. Kelakuannya akan ditangani oleh syarikat kerana kekakuan begini melanggar komitmen yang kita buat untuk memelihara suasana saling hormat di tempat kerja. Beritahu keraguan anda itu kepada Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Undang-undang atau Talian Keluhan.

Ya. Minta pembekal itu berhenti jika anda berasa selesa melakukannya. Jika tidak, luahkan kilangan anda itu kepada pengurus anda, Jabatan Undang-undang atau Talian Keluhan. Kita tidak akan menerima apa-apa bentuk gangguan berkali-kali, sama ada perbuatan itu dimulakan oleh ataupun ditujukan kepada pekerja, pelanggan, pembekal atau sesiapa sahaja di tempat kerja kita (atau semasa peristiwa yang berkait dengan kerja).

## PUPUK SUASANA YANG SELAMAT DI HERSHY

Kita menghargai keselamatan dan jaminan keselamatan setiap pekerja.

Kita menjaga satu sama lain. Kita mengikuti prosedur keselamatan kita dan memupuk budaya keselamatan kerana pekerja kita adalah aset kita yang paling berharga. Setiap pekerja diupayakan untuk mengambil tindakan serta-merta demi keselamatan manusia tanpa mengira pangkat, jawatan atau tanggungjawab. Jika anda nampak situasi yang boleh menimbulkan risiko terhadap orang lain, bertindaklah, dan berusaha menghindari kecederaan terhadap diri anda dan rakan-rakan sekerja anda pada setiap masa dan di semua tempat.

Patuhi dasar sifir toleransi terhadap perbuatan atau ancaman keganasan. Berwaspadalah akan kejadian di sekeliling anda, ikuti amalan keselamatan yang baik, dan cakaplah jika ada ancaman tentang keganasan yang boleh berlaku. Kita tidak membernarkan senjata di semua kawasan syarikat, selaras dengan undang-undang tempatan. Jika anda bimbang bahawa seseorang itu mungkin membawa senjata di kawasan kita, laporkannya dengan segera kepada pengurus anda, salah seorang anggota pasukan Keselamatan Korporat kita ataupun [Talian Keluhan](#).

Membawa, menggunakan atau mengedarkan arak atau dadah yang diharamkan juga dilarang oleh dasar-dasar kita kerana salah guna bahan boleh menjelaskan daya pertimbangan anda, prestasi anda, dan keselamatan orang yang bekerja dengan anda. Mungkin ada kalanya meminum minuman keras sambil menjalankan urusan syarikat itu dibenarkan, tetapi pastikan anda mematuhi semua undang-undang, serta semua dasar dan prinsip syarikat, dan lakukan apa sahaja secara berpada-pada dengan menggunakan pertimbangan yang baik.

### Kebaikan Itu Berkesan



- Mainkan peranan yang aktif untuk menjaga keselamatan diri anda dan diri orang lain.
- Dikehendaki menjalani latihan? Patuhilah. Kelengkapan keselamatan? Pakailah. Keadaan yang tidak selamat? Laporkannya dengan segera.

#### • KETAHUI LAGI:

- Dasar Tempat Kerja Yang Bebas Daripada Bahan-bahan Yang Diharamkan



Saya syak bahawa seorang rakan sekerja saya itu kaki botol dan saya bimbang tentang dirinya. Apa yang patut saya buat?

Jangan bertolak ansur tentang keselamatan diri sesiapapun, sama ada anda atau dia. Ceritakan kebimbangan anda itu kepada pengurus anda ataupun kepada Jabatan Sumber Manusia supaya Hershey berpeluang menangani masalah tersebut dan menghubungkannya dengan Program Bantuan Pekerja kita.

## DUKUNG HAK ASASI MANUSIA

Kita memegang komitmen untuk mengikuti amalan pengambilan pekerja yang adil di semua tempat operasi kita.

Sebagai syarikat, kita menghormati hak setiap orang dan mematuhi undang-undang pekerjaan dalam pasaran yang kita serta. Kita sokong prinsip-prinsip yang termaktub di bawah Perisyiharan Semesta Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu dan tidak akan sengaja menjalankan perniagaan dengan mana-mana orang atau syarikat yang terlibat mengeksplotasi kanak-kanak (termasuklah menggunakan buruh kanak-kanak), mendera, menggunakan buruh paksa atau buruh banduan, atau mendagangkan manusia.

Kita mahukan pembekal kita berkongsi komitmen kita untuk mencapai taraf tinggi yang sama ini. Sebagai komitmen kita untuk meniadakan buruh haram sepanjang rantai bekalan kita, kita terus membina dan menggalakkan program-program yang bermatlamat mengubah keadaan dasar yang turut menyebabkan pelanggaran hak buruh. Untuk mengetahui selanjutnya tentang langkah-langkah yang sedang kita ambil, bacalah laporan kita tentang [Tanggungjawab Sosial Korporat](#). [Tatakelakuan](#) [Pembekal](#) kita mengukuhkan lagi komitmen kita ini.

Apa yang boleh anda lakukan? Patuhi undang-undang pekerjaan di tempat kerja anda, berwaspadalah akan penderaan dan cakaplah jika anda nampak atau mengesyaki bahawa undang-undang buruh atau hak asasi manusia mungkin sedang dilanggar.



## KOMITMEN Bersama



Perniagaan kita terbina berdasarkan rantai bekalan yang panjang dan saling bergantung, dan kita mahukan setiap ikatannya berkeadaan padu dan kukuh. Kita langsung tidak akan menerima bentuk buruh kanak-kanak yang paling teruk sebagaimana yang ditakrifkan oleh Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa 138 dan 182, dan kita mahukan para pembekal menyokong dan menyertai usaha industri yang bertujuan menghapuskan amalan begini yang masih wujud. Kita menghormati hak setiap orang dan percaya bahawa sesiapa sahaja yang berkhidmat dengan Hershey atau pembekal Hershey hendaklah dilayan dengan mulia dan hormat, dibayar gaji yang setimpal berdasarkan undang-undang yang dikenakan, dan dijamin keadaan kerja yang selamat.



# KITA FAHAM TANGGUNGJAWAB KITA TERHADAP ORANG LAIN

Pelihara Kualiti Dan Keselamatan Produk

Rahsiakan Maklumat Sulit

Hormati Rakan-rakan Kongsi Kita

## PELIHARA MUTU DAN KESELAMATAN PRODUK


**Jika melibatkan produk kita, jangan sekali-kali bertolak ansur.**

Apabila pengguna melihat “Hershey” pada sesuatu bungkusan, mereka tahu bahawa mereka mendapat produk yang selamat dan bermutu tinggi. Kita mahu pelihara kepercayaan mereka. Kita sangat mengambil berat tentang mutu dan keselamatan produk, dan kita pastikan produk kita menepati atau melebihi piawaian dalam kita sendiri, serta piawaian yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan dan industri kita.

Bahan alergen menimbulkan risiko keselamatan terhadap makanan, dan kita ada dasar-dasar ketat yang melindungi pengguna daripadanya. Keselamatan produk bergantung pada kita semua, dan anda peserta penting yang mampu menghalang pencemaran oleh bahan-bahan alergen yang utama. Ikuti rancangan pencegahan bahan alergen kita untuk menjamin penyimpanan bahan yang selamat, pelabelan produk, serta prosedur pembersihan dan pembasmian kuman yang betul bagi mana-mana kelengkapan yang mungkin terdedah kepada bahan alergen.

Program Kecemerlangan Produk (PEP) kita menolong kita memantau mutu dan keselamatan produk dengan rapi, menjamin kepatuhan kepada undang-undang, dan menilai rantai bekalan kita yang diperluas untuk mengenal pasti risiko terhadap mutu atau keselamatan produk. Tunaikan komitmen kita kepada pelanggan kita, dan pertanggungjawabkan juga para pembekal kita.

## Kebaikan Itu Berkesan



- Tegaskan mutu dan keselamatan produk. Ikuti prosedur pengawalan mutu kita yang ketat.
- Jika anda mendapat tahu tentang sesuatu aduan oleh pelanggan, ataupun tentang sesuatu masalah pada mutu, keselamatan, atau kepercayaan, laporan dengan segera kepada pengurus anda ataupun melalui sumber lain yang disediakan oleh syarikat.
- **KETAHUI LAGI:**
  - Dasar Mengenai Bahan Alergen
  - Laman Intranet bagi QRC

## Andai ?kata?

*Salah satu ujian yang kita lakukan terhadap suatu produk diulangi pada peringkat yang lebih lanjut di dalam barisan pengeluaran. Mengapa tidak langkau sahaja ujian kali pertama? Bukankah itu akan menolong kita cepatkan penghantarananya?*

Melangkau ujian yang diwajibkan itu tidak sekali-kali dibenarkan. Jika anda ada idea tentang cara meningkatkan kecekapan, eloklah jika anda sudi mengemukakannya. Tetapi kecuali prosesnya dinilai dan diubahsuaikan, maka amat penting kita lakukan setiap langkah sebagaimana yang diwajibkan, untuk memastikan kita hanya menghasilkan produk yang selamat dan bermutu tinggi.

## RAHSIAKAN MAKLUMAT SULIT

Orang lain mempercayai kita untuk melindungi maklumat peribadi tentang diri mereka.

Kita hormati hak kerahsiaan pengguna kita, pelanggan kita, rakan sekerja kita, dan pihak-pihak lain yang berurus niaga dengan kita, dan kita kendalikan maklumat peribadi mereka dengan cermat. "Maklumat peribadi" ialah maklumat yang boleh digunakan untuk mengenalkan diri seseorang, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, contohnya nama, nombor pengenalan pekerja, alamat e-mal, atau nombor telefon. Terdapat undang-undang kerahsiaan data yang menentukan cara mengutip, menyimpan, menggunakan, mendedahkan, memindahkan dan menghapuskan maklumat peribadi dengan bertanggungjawab, dan kita berusaha mematuhi undang-undang tersebut di semua tempat operasi kita.

Patuhi dasar-dasar kita dan lindungi maklumat peribadi yang diamanahkan kepada anda. Gunakan hanya dengan cara yang dimaksudkan dan jangan dedahkannya kepada sesiapa pun di dalam ataupun di luar syarikat, dengan cara yang tidak dibenarkan.

Amalkan juga langkah-langkah keselamatan siber. Pastikan anda ikuti proses dan amalan yang kita sediakan untuk melindungi rangkaian, komputer, program dan data kita supaya tidak diserang, rosak, atau dimasuki tanpa kebenaran.

### *Kebaikan Itu Berkesan*



- Ketahui jenis maklumat yang dianggap sebagai "maklumat peribadi."
- Patuhi undang-undang dan peraturan kerahsiaan yang dikenakan oleh negara di tempat kerja anda.
- Jaga maklumat peribadi dan maklumat tentang kakitangan supaya tidak didedahkan tanpa kebenaran. Laporkan sebarang pelanggaran dengan segera kepada Jabatan Undang-undang.

#### **KETAHUI LAGI:**

- Dasar Maklumat Sulit Tentang Syarikat
- Dasar Penggunaan Yang Boleh Diterima

## Andai ?kata?

*Salah satu pembekal kita yang baru ingin berkenalan dengan cara menghantar kupon dan sampel percuma produk mereka kepada semua ahli pasukan saya. Pembekal itu meminta saya senarai nama dan alamat rakan-rakan sekerja saya ini. Bolehkah saya berikan maklumat ini kepada mereka?*

Sebelum melakukan apa-apa, hubungi Jabatan Undang-undang. Walaupun niat di sebalik permintaan itu adalah baik, dan walaupun rakan-rakan sekerja anda mungkin suka menerima sampel itu, namun anda mungkin melanggar komitmen kita untuk merahsiakan maklumat sulit jika anda memberikan maklumat ini.

## HORMATI RAKAN-RAKAN KONGSI KITA

**Kita hargai hubungan niaga kita dan berusaha menjadi rakan kongsi yang baik dan bertanggungjawab.**

Kita bekerja dengan pembekal sekitar dunia. Pencarian sumber secara bertanggungjawab amat penting bagi jati diri kita dan pekerjaan kita. Oleh itu, cuba pastikan bahawa hubungan yang kita jalin itu didasarkan pada sikap saling hormat dan saling percaya. Pilih rakan-rakan kongsi yang betul dan buat keputusan secara objektif, berdasarkan faktor-faktor seperti mutu, perkhidmatan, harga, ketersediaan dan kebolehpercayaan. Mainkan peranan anda untuk memastikan para pembekal kita mencapai taraf tinggi yang diamalkan oleh Hershey dan bahawa mereka beroperasi secara beretika, menurut undang-undang, dan dengan cara yang selaras dengan Tatakelakuan Pembekal kita, dasar-dasar kita, dan nilai-nilai murni kita. [Tatakelakuan Pembekal](#) kita menyatakan kehendak kita.

Kita juga bekerja dengan kerajaan peringkat persekutuan, negeri dan tempatan sekitar dunia. Keperluan yang dikenakan di bawah kontrak kerajaan selalunya lebih ketat berbanding dengan kontrak-kontrak lain. Di dalam kontrak kerajaan, seperti mana dengan semua kontrak kita, kita patuhi peraturannya dan tidak sekali-kali akan mengabaikan etika. Sama ada anda terlibat menjual kepada kerajaan, melakukan kerja untuk kerajaan, ataupun bertanggungjawab menguruskan kontrak kerajaan, berurusanlah secara jujur, adil dan telus.

Patuhi dan berikan kerjasama apabila berlaku pemeriksaan, penyiasatan atau permintaan maklumat oleh kerajaan. Jika anda dihubungi oleh pegawai kerajaan, minta dengan sopan agar dia menghubungi Jabatan Undang-undang. Jika anda bertanggungjawab menjawab permintaan kerajaan, beritahu perkara yang sebenar. Jangan kelirukan sesiapa, halang kerja mereka, mahupun sorokkan, hapuskan atau ubah dokumen.



**Seorang ahli FDA datang untuk memeriksa kilang sebagai suatu langkah dalam proses memberi kita lesen-lesen tertentu yang kita perlukan supaya dapat beroperasi. Apa yang patut saya lakukan?**

Kumpulkan butir-butir mengenai pemeriksaan tersebut. Kemudian, terangkan kepada merinyu FDA itu bahawa anda akan melakukan apa yang boleh untuk memastikan syarikat kita melayan permintaannya dengan segera, dan hubungi Jabatan Undang-undang.

## *Kebaikan Itu Berkesan*



- Jika anda bertanggungjawab terhadap hubungan dengan sebuah pembekal:
  - Ikuti proses dan prosedur pemerolehan, pencarian sumber dan penelitian reputasi kita (termasuklah pendedahan Mineral Konflik).
  - Pastikan para pembekal tahu mengenai Tatakelakuan Pembekal kita dan berhasrat hendak mematuhi.
- Awasi perjanjian berkontrak untuk memastikan bahwa para pembekal menunaikan kewajipan mereka dan kita pula menunaikan kewajipan kita.
- Cakap jika kelakuan mereka tidak menepati taraf tinggi yang kita kehendaki.
- Jika anda bertanggungjawab terhadap sesuatu kontrak kerajaan:
  - Ketahui dan ikuti keperluan dan larangan undang-undang yang unik, yang berkait dengan kerja ini.
  - Lindungi maklumat sulit atau harta benda yang dibekalkan oleh kerajaan, yang berkait dengan kontrak kita.
  - Cakap jika berlaku aktiviti yang boleh menimbulkan risiko pada kontrak kita dengan kerajaan.
- Galakkam keutuhan pemerolehan. Jangan sekali-kali:
  - Cari atau cuba mendapatkan maklumat tentang pemilihan sebelum kontrak diberikan.
  - Gunakan tawaran kontraktor lain yang tidak diketahui umum atau maklumat tentang cadangan kontraktor lain.
  - Bincangkan peluang pekerjaan atau perniagaan dengan pegawai pemerolehan kerajaan.
- Pastikan pernyataan, laporan dan maklumat lain yang anda serahkan bagi pihak Hershey adalah tepat dan benar.
- **KETAHUI LAGI:**
  - [Tatakelakuan Pembekal](#)
  - Dasar Dan Prosedur Penelitian Kepatuhan Pihak Ketiga



# KITA BUAT APA YANG BETUL

Jangan Sekali-kali Merasuah

Ketahui Peraturan Memberikan Hadiah  
Dan Keraian

Bersaing Secara Adil

Jangan Berdagang Berdasarkan  
Maklumat Orang Dalam

Simpan Rekod Yang Tepat

Patuh Peraturan Import, Eksport  
Dan Perdagangan

## JANGAN SEKALI-KALI MERASUAH


**Kita bersaing untuk mendapatkan urus niaga berdasarkan kebaikan produk kita.**

Itulah prinsip yang mendasari jualan kita yang pertama, dan begitulah caranya kita terus menjalankan perniagaan hari ini. Bekerjalah secara jujur dan beramanah. Jangan hulurkan rasuah, terima rasuah, atau membiarkan orang lain merasuah bagi pihak anda. Dan lakukan sedaya upaya anda untuk mencegah perbuatan rasuah oleh orang lain yang berurusan bagi pihak kita. Sebagai sebuah syarikat, kita tidak hanya bertanggungjawab terhadap tindakan kita sendiri, tetapi juga terhadap tindakan mana-mana pihak ketiga yang mewakili kita.

Ingat, rasuah boleh diberikan dalam bentuk selain wang tunai. Hadiah, pertolongan, malah tawaran pinjaman atau pekerjaan pun boleh dianggap sebagai rasuah jika ditawarkan sebagai balasan bagi sesuatu keputusan. Sebelum menawarkan apa-apa sahaja yang bernilai, semak dasar-dasar kita dan bertanyalah tentang apa yang dibenarkan (dan apa yang tidak dibenarkan).

Undang-undang di beberapa negara mengenakan denda yang lebih besar atas kesalahan merasuah pegawai kerajaan, tetapi bagi kita, mudah sahaja: rasuah yang diberikan kepada sesiapapun, di mana-mana organisasi, walau apa pun pangkatnya, memang salah.

## Kebaikan Itu Berkesan



- Kenali rasuah apabila anda berhadapan dengannya.
- Patuhi undang-undang dan keperluan yang dikenakan oleh negara di tempat kerja anda. Elakkan walau keadaan yang hanya nampak seolah-olah tidak patut.
- Nyatakankehendak dengan jelas dan pantau dengan giat kerja pihak ketiga yang berurusan bagi pihak kita.
- Catatkan bayaran dan belanja dengan tepat dan lengkap.
- Jangan hulurkan apa-apa bentuk “bayaran pemudah atau pelicin” (untuk mendapatkan perkhidmatan yang rutin daripada pekerja kerajaan).
- Cakaplah jika anda nampak atau mengesyaki perbuatan rasuah.
- **KETAHUI LAGI:**
  - Dasar Kepatuhan Antirasuah

## Andai ?kata?



*Seorang pekerja kerajaan bertanya sama ada saya boleh menolong anak perempuannya diambil bekerja sebagai pelatih di syarikat kita. Katanya dia boleh memastikan pertolongan saya itu berbaloi.*

Jangan lakukan. “Pertolongan anda berbaloi” mencadangkan bahawa pegawai kerajaan itu mungkin merancang hendak melakukan sesuatu yang tidak patut sebagai membalaas pertolongan anda. Anda boleh memberi pekerja kerajaan itu maklumat mengenai jawatan pelatih dan membiarkan anak perempuannya memohon, seperti mana yang dilakukan oleh semua calon lain. Apa-apa perbuatan yang melebihi takat itu boleh dipandang sebagai rasuah.

## KOMITMEN Bersama



Kita faham bahawa rasuah boleh merosakkan reputasi kita, tetapi hakikatnya lebih buruk daripada itu. Kita tahu bahawa perbuatan menyogok dan merasuh boleh mengakibatkan persaingan yang tidak adil dan produk yang tidak selamat dalam pasaran global dan dalam komuniti yang menjadi tempat kita tinggal dan bekerja. Bagi kita, dasar sifar toleransi terhadap rasuah bukan hanya betul di sisi undang-undang tetapi juga bertanggungjawab terhadap masyarakat.



## KETAHUI PERATURAN MEMBERIKAN HADIAH DAN KERAIAN

**Kita tidak akan menghulurkan mahupun mengambil sesuatu yang tidak berpatutan.**

Hadiah atau tawaran keraian yang diberikan sekali-sekala sering dianggap sebagai cara biasa berurusan. Tetapi ada kalanya, hadiah atau tawaran yang berniat baik pun boleh melampaui batas. Dan hadiah yang menimbulkan rasa terhutang budi ataupun yang mempengaruhi pertimbangan anda yang profesional pastinya tidak berpatutan.

Itulah sebabnya kita menyediakan garis panduan untuk mengenali keadaan yang menghalalkan sesuatu tawaran, dan sebaliknya. Pastikan anda mengikuti peraturan, dan ketahuilah sama ada larangan khas dikenakan. Contohnya, memberikan sesuatu yang bernilai kepada pegawai kerajaan boleh menimbulkan masalah. Minta bantuan Jabatan Undang-undang jika anda kurang pasti tentang tindakan yang betul.

### *Kebaikan Itu Berkesan*



- Gunalah pertimbangan yang baik.
- Tolak apa sahaja tawaran yang diberikan dengan tujuan mempengaruhi sesuatu keputusan ataupun jika tawaran itu akan membayangkan sesuatu yang tidak berpatutan, walaupun tawaran itu tidak melebihi had nilai yang mungkin boleh diterima oleh syarikat kita. Laporkan situasi ini kepada Jabatan Undang-undang.
- Hadiah atau keraian yang diberikan ataupun yang diterima hendaklah:
  - Kecil nilainya.
  - Tidak diberikan secara kerap.
  - Memenuhi tujuan perniagaan yang munasabah.
  - Selaras dengan amalan perniagaan yang boleh diterima setelah mengambil kira industri dan lokasinya.
  - Dibenarkan mengikut undang-undang dan dasar-dasar yang dikenakan terhadap pemberi dan penerima.
  - Tidak memburukkan mahupun memalukan Hershey.
  - Bukan wang tunai, kad hadiah, cek, pinjaman atau saham.
  - Dicatatkan dengan tepat ke dalam akaun dan rekod kita.
- Jangan berikan apa-apa yang bernilai kepada pegawai kerajaan tanpa mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Jabatan Undang-undang.
- Jangan minta sesiapa beri anda hadiah, jamuan makan, atau keraian, dan jika sesiapa memintanya daripada anda, jangan tunaikan.

## Andai kata?

*Saya mendapat hadiah daripada seorang pelanggan, tetapi saya tahu saya tidak dibenarkan menerima hadiah itu. Apa yang patut saya buat?*

Pulangkan hadiah itu kepada pelanggan tersebut dan terangkan dasar kita secara sopan. Jika hadiah itu tidak tahan lama, seperti bunga atau sebakul makanan, dan tidak mungkin dapat dipulangkan, letakkan di bilik rehat supaya semua orang dapat menikmatinya.

*Salah seorang pembekal kita menawarkan kepada saya tiket untuk ke sebuah konsert yang tidak dapat dihadirinya. Bolehkah saya mengambilnya?*

Tidak boleh. Walaupun nilai tiket itu kurang daripada had yang ditetapkan di dalam dasar kita, namun acara itu tidak menawarkan kepada anda peluang mengeratkan hubungan dengan pembekal itu mahupun syarikatnya kerana dia tidak akan hadir bersama anda.

## BERSAING SECARA ADIL

Kita menewaskan para pesaing dengan adil dan jujur.

Milton Hershey berpegang pada prinsip memasukkan produk yang bagus ke dalam pasaran, kemudian membiarkan persaingan terbuka yang bebas dan adil menentukan kejayaan ataupun kegagalan. Beliau tidak pernah bertolak ansur tentang nilai-nilai murninya dan kita juga komited untuk mendukung falsafah yang sama hari ini serta memastikan kepatuhan kepada undang-undang yang digubal untuk menggalakkan dan memelihara pasaran global yang bersaingan. Kita berjaya atas kekuatan kita sendiri dan kita mengelakkan kelakuan yang boleh menyekat perdagangan bebas.

Anda mungkin sudah biasa mendapat maklumat persaingan disebabkan jawatan atau tanggungjawab anda di syarikat ini tetapi pastikan anda mengendalikan maklumat itu menurut tataetika dan undang-undang. Bersainglah dengan adil tetapi bersungguh-sungguh, dan jangan sekali-kali menipu, menyalahnyatakan mahupun menyalahgunakan maklumat sulit untuk melebihi pesaing kita dengan cara yang tidak berpatutan. Apabila anda bercakap dengan pelanggan, berikan hanya maklumat yang benar tentang mutu, ciri dan ketersediaan produk kita, dan jangan pula kecil-kecilkan pesaing kita.



*Saya terserempak dengan kawan lama dari kolej di sebuah pertunjukan dagang, yang kini sedang bekerja dengan salah satu pesaing kita. Dia menanya saya tentang keadaan perniagaan kita. Apa yang patut saya buat?*

Tiada masalah jika anda menjawab secara umum dan tidak khusus, iaitu bahawa perniagaan kita berjalan dengan baik, tetapi pastikan perbualan anda itu bertumpu pada gambaran yang luas sahaja dan ketahuilah bahawa sekadar berbual-bual dengan pesaing pun boleh membayangkan sesuatu yang tidak berpatutan pada pandangan orang lain.

## Kebaikan Itu Berkesan



- Patuhi undang-undang antipakat dan persaingan yang dikenakan oleh negara-negara di tempat kita beroperasi. Beruruslah secara adil dengan pelanggan, pembekal dan pesaing kita. Bersaing atas dasar mutu dan kekuatan produk kita.
- Jangan bercakap dengan pesaing tentang strategi dan rancangan perniagaan kita.
- Jangan sekali-kali adakan perjanjian atau persefahaman, sama ada secara formal ataupun informal, dengan pesaing, pelanggan atau pembekal, untuk:
  - Naikkan atau tetapkan harga produk kita selaras dengan harga produk pesaing.
  - Mengagih-agihkan kawasan, pasaran atau pelanggan.
  - Menghalang syarikat lain memasuki pasaran.
  - Enggan berurus dengan pelanggan atau pembekal yang tertentu.
  - Mengganggu proses mengemukakan tawaran secara bersaing.
  - Menghadkan pengeluaran, jualan atau output.
  - Memaksa pembeli membeli sesuatu yang tidak dikehendakinya dengan cara mengikat barang itu pada sesuatu yang hendak dibelinya.
- Cari maklumat persaingan daripada sumber-sumber awam, seperti laporan berita dan rencana di dalam jurnal perdagangan.
- Nyatakan kandungan bahan-bahan periklanan, jualan dan promosi kita dengan adil, berdasarkan fakta, dan lengkap.
- **KETAHUI LAGI:**
  - Panduan tentang Kepatuhan Undang-undang Antipakat

## JANGAN BERDAGANG BERDASARKAN MAKLUMAT ORANG DALAM

Kita tahu bahawa perdagangan yang didasarkan pada maklumat penting yang tidak diketahui umum (“maklumat orang dalam”) bukan sahaja tidak adil tetapi juga menyalahi undang-undang.

Sebagai pekerja dan Pengarah Hershey, kita mungkin mendapat maklumat tentang syarikat kita ataupun tentang syarikat yang bekerja dengan kita, yang tidak diketahui oleh orang awam tetapi jika diketahui, boleh mempengaruhi keputusan seseorang itu sama ada untuk membeli, menjual atau memegang saham. Pengetahuan itu menjadikan kita “orang dalam” dan berdagang atas maklumat “orang dalam” ini menyalahi undang-undang.

Ketahui jenis maklumat yang dianggap sebagai maklumat orang dalam. Antara contohnya ialah maklumat yang tidak ketahui umum tentang penggabungan atau pemerolehan syarikat, hasil jualan atau pendapatan, ramalan kewangan, perubahan pada keanggotaan pasukan pengurusan eksekutif, tuntutan mahkamah yang belum diputuskan, dan kejayaan atau kegagalan yang besar.

# KETAHUI JENIS MAKLUMAT YANG DIANGGAP SEBAGAI MAKLUMAT ORANG DALAM.

### Kebaikan Itu Berkesan



- Jangan berdagang atas maklumat orang dalam yang penting dan jangan berikan maklumat ini kepada orang lain (termasuklah keluarga dan kawan-kawan anda) supaya mereka boleh berdagang. Perbuatan “memberi tip” tentang saham begini juga menyalahi undang-undang perdagangan orang dalam.
- Jika anda kurang pasti sama ada sesuatu maklumat itu dianggap sebagai maklumat “orang dalam”, tanya Jabatan Undang-undang mengenainya sebelum berdagang atas maklumat itu. Jika anda kurang pasti sama ada sesuatu maklumat itu telah diumumkan kepada orang ramai, anggaplah bahawa maklumat itu belum diketahui umum.
- Jika anda diberitahu bahawa anda dikenakan tempoh dagangan atau tempoh larangan khas, jangan dagangkan sekuriti Hershey sehingga larangan itu tidak lagi dikenakan.
- **KETAHUI LAGI:**
  - Dasar Perdagangan Orang Dalam

## Andai kata?

*Saya mendapat maklumat baru semasa bermesyuarat dengan salah satu pembekal kita yang boleh menjelaskan beberapa dagangan saham yang sedang dipertimbangkan oleh abang ipar saya. Bolehkah saya memberitahu dia apa yang saya tahu ini memandangkan ini tidak akan menguntungkan saya sendiri?*

Tidak boleh. Undang-undang tidak hanya melarang anda membeli atau menjual saham berdasarkan maklumat orang dalam yang penting tetapi juga melarang anda memberikan maklumat ini kepada abang ipar anda (atau kepada sesiapa sahaja) supaya dia dapat berdagang.

## SIMPAN REKOD YANG TEPAT

**Keutuhan rekod yang kita simpan akan menimbulkan kepercayaan pada pelanggan, pelabur dan rakan niaga kita.**

Kejayaan kita pada jangka panjangnya banyak bergantung pada kehandalan kita menguruskan perniagaan ini. Rekod kita, dan penyimpanannya, membantu kita menuaikan komitmen kewangan kita dan membayar gaji kakitangan kita. Rekod kita juga menggambarkan keadaan kewangan kita. Rekod kita memastikan kita menjalankan tanggungjawab kepada pemegang saham dan pelabur kita, di samping menjadi asas keputusan strategik kita yang penting. Itulah sebabnya rekod yang jelas dan lengkap, dan rekod yang mencerminkan transaksi perniagaan kita dengan tepat adalah aset syarikat yang sangat penting.

Kita masing-masing mempunyai kewajipan untuk mematuhi semua kawalan dalaman apabila merakamkan dan menyelenggarakan akaun dan rekod syarikat kita.

Dalam setiap transaksi, sama ada anda mematuhi keperluan pendedahan, menyediakan penyata kewangan, ataupun cuma mengisi laporan masa, lakukanlah dengan jujur, tepat dan lengkap. Berwaspadalah akan transaksi kewangan yang mencurigakan. Kenali pelanggan dan rakan niaga anda. Fahami cara mereka menggunakan produk kita supaya kita dapat mencegah kegiatan yang menyalahi undang-undang, contohnya pelaburan wang haram.

Anda juga bertanggungjawab mengetahui dan mematuhi dasar-dasar kita tentang pengurusan dan penyimpanan rekod. Berhati-hatilah supaya tidak menghapuskan maklumat yang mungkin berkenaan dengan litigasi yang sedang dibuat atau diugut sehingga anda diarahkan berbuat demikian.

### Kebaikan Itu Berkesan



- Ikuti proses dan kawalan dalaman kita untuk memastikan bahawa rekod-rekod kita mencerminkan semua transaksi dengan tepat dan adil.
  - Jangan wujudkan dana, liabiliti atau aset yang tidak didebakkan, sulit atau tidak direkodkan, dan jangan sekali-kali salah laporan atau salah gambarkan maklumat yang berkait dengan perniagaan kita.
  - Lindungi, simpan, uruskan dan hapuskan maklumat menurut dasar pengurusan rekod kita.
  - Berikan kerjasama setiap kali ada permintaan maklumat oleh agensi kerajaan dan kawal atur, dan berikan kerjasama sepenuhnya dalam mana-mana audit atau penyiasatan kerajaan.
- **KETAHUI LAGI:**
- Dasar Penyimpanan Rekod

## Andai kata?

**Saya tidak bekerja di jabatan kewangan atau perakaunan. Adakah “keutuhan kewangan” menjadi tanggungjawab saya?**

Ya. Ketepatan rekod yang disimpan bukan tugas satu pasukan atau satu jabatan. Tanggungjawab ini sama-sama kita pikul. Daripada laporan perbelanjaan dan laporan pendaftaran manfaat, sehingga data ujian dan invois jualan, semua transaksi harian kita mestilah tepat, lengkap dan dirakamkan dengan betul.

**Saya nampak rakan sekerja saya mengesahkan suatu laporan pemeriksaan sedangkan dia sebenarnya belum melakukan pemeriksaan itu. Apa yang patut saya buat?**

Anda patut melaporkan apa yang anda nampak itu kepada pengurus anda, Jabatan Undang-undang atau Talian Keluhan. Mengesahkan laporan sedangkan dia sebenarnya belum melakukan pemeriksaan itu juga dianggap sebagai perbuatan memalsukan rekod dan ini melanggar Tatakelakuan kita.

## PATUHI PERATURAN IMPORT, EKSPORT DAN PERDAGANGAN

Kita patuhi undang-undang yang mengawal pentadbiran global produk-produk kita.

Sebagai syarikat yang berada di Amerika Syarikat dan menjalankan perniagaan di seluruh dunia, amat pentinglah kita ketahui dan patuhi undang-undang perdagangan antarabangsa yang mengawal import eksport produk-produk kita. Jika anda terlibat menggerakkan produk, perkhidmatan, maklumat atau teknologi melintasi sempadan antarabangsa, pastikan anda mengetahui dan mematuhi peraturan yang dikenakan oleh negara-negara tempat anda berurus. Ketahuilah bahawa undang-undang yang dikenakan oleh lebih daripada sebuah negara mungkin perlu anda patuhi.

Kita mesti menilai dengan teliti peluang perniagaan di negara-negara yang dikenakan sekatan perdagangan atau larangan ekonomi oleh Amerika Syarikat, dan berusaha memastikan bahawa peraturan tegas yang mengawal pasaran ini dinilai. Dan kita tidak menyertai atau menggalakkan pemulauan yang tidak disokong oleh Amerika Syarikat.



### *Kebaikan Itu Berkesan*



- Pastikan bahawa apa-apa barang import atau eksport:
    - Dikelaskan dengan betul terlebih dahulu, berdasarkan negara asal, destinasi, penggunaan akhir dan pengguna akhir.
    - Disertakan dengan semua dokumentasi, label, lesen, permit dan kelulusan yang diperlukan.
  - Pastikan keutuhan rantai bekalan kita. Maklumkan dasar-dasar kita kepada pihak-pihak lain yang mungkin akan berurus niaga bagi pihak kita.
  - Jika anda diminta menyertai pemulauan ataupun ditanya mengenai kedudukan syarikat kita berkeraan dengan sesuatu pemulauan, hubungi Jabatan Undang-undang dengan segera. (Juga sama penting bahawa anda menghubungi Jabatan Undang-undang jika anda mendapat tahu bahawa salah satu rakan niaga kita mungkin menyertai pemulauan. Kita mahu mereka mematuhi undang-undang yang dikenakan oleh Amerika Syarikat dan negara-negara tempat mereka beroperasi.)
  - Jika nampaknya ada percanggahan antara undang-undang, adat atau amalan tempatan, dapatkan bantuan Jabatan Undang-undang ataupun mana-mana anggota Jabatan Perdagangan Global dan Kepatuhan Adat.
- **KETAHUI LAGI:**
- Manual Kepatuhan Perdagangan



# KITA LINDUNGI SYARIKAT KITA

Lindungi Aset Kita

Elakkan Konflik Kepentingan

Jangan Bercakap Bagi Pihak Syarikat Kita

## LINDUNGI ASET KITA

**Kita pengawas aset fizikal, elektronik, dan maklumat kita yang baik.**


Aset kita merangkumi segala-gala yang dimiliki atau digunakan oleh syarikat kita untuk menjalankan perniagaan. Kita masing-masing diamanahkan untuk menjaga aset-aset ini. Oleh itu, jagalah secara proaktif supaya aset-aset kita tidak hilang, rosak, dicuri, dibazirkan dan digunakan dengan cara yang tidak patut.

Aset fizikal dan elektronik seperti perabot, kelengkapan, peralatan, inventori, perkakasan komputer dan perisian disediakan untuk membolehkan anda melakukan pekerjaan. Menggunakan aset seperti telefon, komputer, e-mel dan Internet sekali-sekala untuk tujuan peribadi dibenarkan tetapi pastikan penggunaan itu tidak mengganggu kerja (anda atau orang lain) dan tidak melanggar dasar-dasar kita maupun undang-undang.

Ketahuilah bahawa apa-apa sahaja yang anda tulis, hantar, muat turun atau simpan di dalam sistem kita adalah milik syarikat, dan kami boleh memantau penggunaan sistem kita ini. Anda tidak sepatutnya menyangka bahawa anda ada hak kerahsiaan peribadi apabila menggunakan sistem kita.

Maklumat juga suatu aset yang amat penting. Maklumat sulit dan harta intelektual adalah hasil pelaburan syarikat yang besar dan hasil titik peluh yang bertahun-tahun lamanya. Apabila anda bantu melindungi aset seperti rahsia perdagangan, paten, hak cipta, tanda dagang, rancangan perniagaan, idea kejuruteraan, pangkalan data, dan senarai pelanggan, anda juga bantu melindungi kelebihan kita untuk bersaing.

## Kebaikan Itu Berkesan



- Lindungi harta benda kita:
  - Laporkan mana-mana harta benda atau kelengkapan yang rosak, tidak selamat atau perlu dibaiki.
  - Jangan pinjamkan, jual atau hadiahkan apa-apa kecuali anda dibenarkan berbuat demikian.
- Lindungi sistem kita:
  - Jaga keselamatan perkakasan yang ditentukan bagi anda dari segi fizikal. Lindungi kata(-kata) laluan anda.
  - Jangan pasangkan perisian, aplikasi, perkakasan atau alat penyimpan yang tidak diberi kebenaran pada komputer anda. Dan jangan masuki rangkaian kita melalui aplikasi atau alat yang tidak mendapat kebenaran.
  - Jangan gunakan perisian yang tidak berlesen dan jangan salin perisian untuk digunakan di rumah ataupun untuk kegunaan orang lain.
  - Berwaspadalah akan penipuan secara phishing atau percubaan lain untuk mengorek maklumat peribadi atau maklumat korporat yang sensitif.
  - Jangan buka pautan yang mencurigakan di dalam e-mel walaupun anda tahu sumbernya.
- Lindungi maklumat kita:
  - Dedahkan maklumat sulit hanya apabila ada alasan yang munasabah untuk berbuat demikian. Jika anda mendedahkan kepada seseorang di luar Hershey, dapatkan perjanjian kerahsiaan terlebih dahulu.
  - Lindungi maklumat sulit Hershey walaupun selepas tamatnya tempoh perkhidmatan anda dengan Hershey.
- Lindungi maklumat orang lain. Anda bertanggungjawab tidak hanya untuk melindungi maklumat sulit tentang syarikat kita tetapi juga maklumat sulit tentang syarikat-syarikat yang berurus niaga dengan kita.
- **KETAHUI LAGI:**
  - Dasar Audit Dan Pemantauan



## ELAKKAN KONFLIK KEPENTINGAN

**Kita tidak membiarkan kepentingan peribadi mempengaruhi keputusan perniagaan yang kita buat bagi pihak Hershey.**

Konflik kepentingan boleh berlaku sebaik sahaja kerja yang anda lakukan di luar tempat kerja mengganggu kerja yang anda lakukan di tempat kerja. Kami tidak mungkin dapat menyenaraikan setiap situasi yang boleh menimbulkan konflik, tetapi konflik selalunya berlaku dalam beberapa situasi yang tertentu. Kehandalan mengenali konflik yang boleh berlaku dapat menolong anda mengelakkannya.


Apabila membuat keputusan yang berkait dengan Hershey, anda memikul kewajipan untuk bertindak demi kebaikan perniagaan syarikat kita dan mengelakkan walau tanggapan berlakunya konflik sekalipun. Jika anda mendapat tahu bahawa sesuatu aktiviti, pelaburan, kepentingan atau perkaitan peribadi boleh menjelaskan, malah walau seolah-olahnya menjelaskan pun, pertimbangan anda yang objektif atau kebolehan anda membuat keputusan perniagaan yang tidak berpihak, maka dedahkannya dengan segera kepada pengurus anda, Jabatan Sumber Manusia atau Jabatan Undang-undang. Ada banyak konflik yang mudah dielakkan atau ditangani jika didekah dengan cepat dan diuruskan dengan betul.

## Andai kata?

**Saya diminta menganggotai Lembaga Pengarah syarikat lain. Perlukah saya mendapatkan kelulusan seseorang di syarikat ini sebelum menerima jawatan tersebut?**

Ya, perlu. Anda harus memaklumkannya kepada pengurus anda dan menghubungi Jabatan Undang-undang untuk mengkaji situasi tersebut dan memberikan panduan sama ada anda boleh menerima jawatan itu ataupun tidak. Kadangkala, menganggotai Lembaga Pengarah syarikat-syarikat lain boleh menyebabkan konflik. Kami perlu mengkaji jenis syarikat itu, perkhidmatan yang disediakannya, dan kesan yang mungkin ada terhadap tanggungjawab anda bagi Hershey.

## *Kebaikan Itu Berkesan*



- Kenali konflik yang boleh berlaku apabila anda berhadapan dengannya. Konflik boleh berlaku apabila:
  - Anda menyelia atau menjalankan perniagaan dengan seseorang yang ada hubungan peribadi yang rapat dengan anda.
  - Anda melabur ke dalam salah sebuah syarikat pembekal, pelanggan, rakan niaga atau pesaing kita.
  - Anda memiliki ataupun anda melakukan kerja untuk sebuah syarikat yang bersaing, berurusan atau ingin berurusan dengan Hershey. Berkhidmat sebagai penasihat atau pengarah syarikat sedemikian juga boleh menimbulkan konflik.
  - Anda menggunakan nama Hershey ataupun harta benda atau maklumat kita, tanpa kelulusan, untuk menyokong sesuatu organisasi amal, profesional atau komuniti.
  - Anda mengambil untuk diri sendiri peluang perniagaan yang dimaksudkan untuk Hershey.
- Ingat, tidak mungkin dapat kami senaraikan setiap senario konflik kepentingan yang boleh berlaku. Jika anda tidak pasti sama ada sesuatu situasi itu menyebabkan konflik kepentingan, minta nasihat Jabatan Undang-undang.
- Dedahkan kepada pengurus anda dan kepada Jabatan Undang-undang jika berlaku atau jika boleh berlaku konflik kepentingan, malah walau situasi yang boleh membayangkan konflik sekalipun.

### **KETAHUI LAGI:**

- Dasar Konflik Kepentingan Global

## JANGAN BERCAKAP BAGI PIHAK SYARIKAT KITA

**Kita pastikan bahawa maklumat yang didedahkan tentang syarikat kita semuanya konsisten, tepat dan lengkap.**

Apabila anda menghayati kuasa yang tersirat di sebalik kata-kata, aneka cara mengucapkannya, dan kesannya terhadap syarikat yang dipercayai seperti syarikat kita ini, maka anda akan memahami betapa besarnya nilai menyampaikan sesuatu dengan jelas.

Untuk memastikan bahawa maklumat yang tepat dan lengkap disampaikan kepada orang ramai, pengawal atur dan pihak-pihak lain, kami telah menugaskan beberapa pekerja untuk menjadi jurucakap rasmi syarikat kita. Kecuali anda diberi kebenaran berbuat demikian, jangan berikan sebarang pernyataan secara awam bagi pihak Hershey.

### *Kebaikan Itu Berkesan*



- Rujukkan semua permintaan maklumat kewangan kepada [Jabatan Perhubungan Pelabur](#).
- Rujukkan semua pertanyaan oleh pihak media dan permintaan maklumat oleh orang awam kepada Jabatan Komunikasi Korporat.
- Rujukkan semua permintaan maklumat oleh orang awam dan pertanyaan oleh agensi kerajaan dan pengawal atur kepada Jabatan Undang-undang.
- Semasa menggunakan media sosial:
  - Nyatakan dengan jelas bahawa pendapat anda tentang syarikat kita adalah pendapat anda semata-mata dan tidak mencerminkan pendapat syarikat kita.
  - Jangan dedahkan maklumat perniagaan yang sulit tentang syarikat kita dan juga tentang pelanggan, rakan niaga atau pembekal kita.
  - Jangan siarkan maklumat perniagaan yang sulit atau apa-apa sahaja yang mendiskriminasikan sesuatu golongan ataupun yang boleh dianggap sebagai ancaman, ugutan, gangguan atau perbuatan membuli.

## Andai kata?

*Saya dihubungi oleh pihak media yang ingin tahu tentang suatu pemerolehan yang sedang menjadi khabar angin. Saya ada mendengar perbincangan di pejabat saya tentang urus janji itu, dan menyampaikan apa yang telah saya dengar mungkin dapat meninggikan harga saham syarikat kita. Bolehkah saya beritahu pemberita itu apa yang saya tahu?*

Tidak boleh. Kecuali anda jurucakap rasmi Hershey, jangan berikan komen tentang khabar angin itu. Maklumat yang ada pada anda itu mungkin tidak betul atau tidak lengkap, malah mungkin juga maklumat orang dalam yang penting, maka situasi begini sebaik-baiknya ditangani oleh jurucakap rasmi syarikat.

*Saya terbaca masukan blog yang mengkritik syarikat kita dan mengandungi maklumat yang kurang tepat mengenai salah satu produk kita. Saya tahu fakta-fakta tentang produk itu dan ingin membetulkannya. Bolehkah saya memasukkan jawapan ke dalam talian?*

Tidak boleh. Kecuali anda jurucakap yang telah diberi kuasa, anda hendaklah memaklumkannya kepada Jabatan Komunikasi Korporat dan membiarkan jurucakap yang diberi kuasa menangani situasi tersebut.



# KITA WARGA DUNIA YANG BAIK

Jadilah Pengawas Yang Baik

Kongsi Kebaikan Dan Ubah Keadaan

## JADILAH PENGAWAS YANG BAIK

**Kita faham bahawa kita sebahagian daripada penyelesaian bagi cabaran yang dihadapi bumi kita ini.**

Kita berusaha menjalankan perniagaan dengan cara yang bertanggungjawab kepada alam sekitar dan kita memberikan komitmen untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang dikenakan. Kita telah menetapkan sasaran yang tinggi untuk mengurangkan kesan yang kita tinggalkan terhadap alam sekitar, dengan cara mengurangkan sebaran gas rumah hijau, mengurangkan bahan sisa, dan mengehadkan penggunaan air dan tenaga di kilang-kilang kita. Rangka kerja Kebaikan Bersama kita menolong kita maju lebih jauh lagi untuk menyusun strategi yang dapat menangani cabaran kelestarian dan menyokong komuniti pertanian yang membekalkan bahan-bahan kita.

## Kebaikan Itu Berkesan



- Patuhi semua undang-undang, dasar, permit dan peraturan yang bertujuan:
  - Melindungi alam sekitar.
  - Memelihara bekalan tenaga, air dan sumber asli.
  - Mengurangkan kesan yang ditinggalkan oleh operasi kita seluruh dunia terhadap alam sekitar.
- Ketahui lagi tentang inisiatif tanggungjawab sosial korporat kita dan peranan yang boleh anda mainkan untuk menyokong inisiatif ini.
- **KETAHUI LAGI:**
  - Laman Kelestarian Alam Sekitar

## KOMITMEN Bersama



Kita sentiasa mencari cara melakukan sesuatu dengan lebih baik. Kita menetapkan matlamat bekerja dengan lebih cekap dan mengurangkan kesan yang kita tinggalkan terhadap alam sekitar. Mengitar semula; mengurangkan bahan sisa, penggunaan air dan sebaran gas rumah hijau; menghasilkan bungkusan yang bertahan semuanya bertujuan menjaga bumi yang menjaga kita, dan memelihara sumber kita yang amat berharga. Ingin ketahui lagi?

Bacalah Laporan [Tanggungjawab Sosial Korporat kita yang terbaru](#).

## KONGSI KEBAIKAN DAN UBAH KEADAAN

### Bersama-sama, kita jayakan usaha yang baik

Visi Milton Hershey untuk melabur ke arah kebaikan kanak-kanak dan komuniti masih bertahan. Sebagai sebuah syarikat, kita berikan komitmen kepada perkongsian yang menggalakkan pembangunan sosial dan ekonomi, dan kita bersungguh-sungguh menyokong inisiatif yang bermanfaat bagi pekerja kita dan juga bagi kejiranan di tempat kita tinggal dan bekerja. Anda digalakkan menjadi sebahagian daripada usaha sosial kita bersama, iaitu Nourishing Minds (Mengayakan Minda) dan Good to Give Back Week (Minggu Menyumbang Balik Itu Bagus) tahunan, serta menyertai, pada peringkat korporat, salah satu antara berbilang inisiatif yang disokong oleh Hershey melalui perkongsian dermawan dan program penglibatan pekerja kita.

Kita juga menggalakkan pekerja mengubah keadaan pada peringkat peribadi. Kami menyokong penglibatan sukarela anda dalam aktiviti amal dan politik tetapi secara amnya, kami minta anda berbuat demikian di luar waktu kerja atas belanja anda sendiri, dan memastikan bahawa aktiviti anda itu selaras dengan undang-undang dan mematuhi dasar-dasar kita. Kecuali anda telah mendapat kelulusan terlebih dahulu, jangan gunakan atau dermakan wang atau aset syarikat untuk menjalankan aktiviti sukarela anda sendiri.

Kami menawarkan program dan manfaat seluruh syarikat, seperti Matching Gifts (Hadiah Yang Sepadan), Dollars for Doers (Wang Untuk Pelaku) dan masa sukarela yang berbayar untuk menyokong usaha peribadi pekerja yang ingin berkongsi kebaikan dengan komuniti mereka. Maklumat selanjutnya mengenai program dan dasar ini boleh didapati di [csr.hersheys.com](http://csr.hersheys.com).

Hershey tidak memberikan sumbangan politik dan hanya melibatkan diri dengan aktiviti politik pada peringkat korporat melalui [Jawatankuasa Tindakan Politik Hershey \(PAC\)](#). Kami tidak akan menggantikan wang yang anda sumbang kepada calon-calon politik pada peringkat persekutuan, negeri, mahupun tempatan.

### *Kebaikan Itu Berkesan*



- Manfaatkan warisan Milton Hershey dan sumbang balik dengan cara yang paling bermakna bagi anda.
- Sertai usaha penglibatan pekerja dan dermawan yang ditaja oleh Hershey, seperti Good to Give Back Week (Minggu Menyumbang Balik Itu Bagus).
- Hebatkan lagi hadiah dermawan dan semangat sukarela anda dengan menggunakan Matching Gifts (Hadiah Yang Sepadan) dan Dollars for Doers (Wang Untuk Pelaku).
- **KETAHUI LAGI:**
- Laman web CSR

### **KOMITMEN Bersama**



Menjadi jiran yang baik itu tidak memadai. Kita mahu menjadi rakan yang baik. Kita mahu komuniti di tempat kita beroperasi itu bertambah baik semata-mata kerana kita berada di situ. Melalui berbilang usaha kita seperti matlamat Nourishing 1 Million Minds by 2020 (Mengayakan 1 Juta Minda menjelang tahun 2020), Good to Give Back Week (Minggu Menyumbang Balik Itu Bagus) tahunan kita, iaitu apabila kita berkhidmat secara sukarela dengan organisasi besar-besaran yang tidak mencari keuntungan seperti Stop Hunger Now (Hentikan Kelaparan Sekarang), mengumpul wang melalui kempen United Way tahunan kita, dan khidmat bimbingan melalui Project Fellowship (Projek Persahabatan) di sekolah Milton Hershey School, kita tidak hanya menyumbang balik, tetapi kita menyumbang yang terbaik. Ingin ketahui lagi? Bacalah Laporan [Tanggungjawab Sosial Korporat kita yang terbaru](#).

### *Andai kata?*

*Kawan saya, yang berkhidmat sebagai ahli lembaga sebuah badan amal tempatan, menanya saya sama ada Hershey ingin mendermakan produk atau wang tunai untuk menjayakan gala mereka yang akan datang. Bolehkah saya berjanji melakukaninya?*

Tidak boleh. Jika anda mendapat permintaan begini, hubungkan badan amal itu dengan anggota pasukan CSR Hershey untuk mengetahui lagi tentang garis panduan berian korporat dan sumbangan produk kita.

## MEMPERCAYAI KEBAIKAN KITA

Bab yang seterusnya di dalam riwayat Hershey ini? Terpulang pada kita masing-masing.

Apa yang kita maksudkan dengan suasana “sehati sejiwa” ialah bekerja dengan rakan sekerja dan rakan niaga kita untuk mendukung prinsip-prinsip pengendalian kita dan mempertanggungjawabkan satu sama lain untuk mencapai taraf integriti yang tertinggi. Maksudnya, membina asas etika dan melibatkan diri dengan interaksi perniagaan yang tidak hanya mengukuhkan perniagaan tetapi juga kepercayaan. Lakukan segala-gala yang anda boleh untuk membawa kebaikan kepada manusia di mana jua.

Jika anda ingin bertanya tentang Tatakelakuan kita atau dasar-dasar kita, hubungi kakitangan dari Jabatan Undang-undang, barisan pengurusan atau Talian Keluhan.

*Tatakelakuan kita hanya boleh dipinda atau diketepikan bagi pegawai eksekutif atau pengarah oleh Lembaga Pengarah, ataupun mana-mana jawatankuasa Lembaga, dan akan didedahkan kepada orang ramai jika diwajibkan oleh undang-undang. Kami berhak membuat perubahan sepihak pada Tatakelakuan kita ataupun pada dasar-dasar syarikat pada bila-bila masa.*

*Hershey menyokong hak pekerja untuk bercakap kepada orang ramai mengenai hal-hal kepentingan awam atau melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti tertentu yang berkait dengan syarat-syarat pekerjaan mereka. Tiada satupun kandungan Tatakelakuan ini atau mana-mana dasar kita bertujuan menyekat atau mengganggu hak anda melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti bersepada yang terlindung oleh Seksyen 7 Akta Perhubungan Buruh Kebangsaan, seperti perbincangan yang berkait dengan gaji, waktu kerja, keadaan kerja, ancaman kesihatan, dan masalah keselamatan.*